# KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 1. | **Govt to form executive committee to assess Lynas**<br><br>Energy, Science, technology, Environment and Climate Change (MESTECC) Minister Yeo Bee Yin in announcing this today, said the setting up of the committee was in line with the new government's aim not to turn Malaysia into a dumping ground of tainted materials by foreign companies. | The New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 2. | **Jawatankuasa khas nilai operasi Lynas di Gebeng, Kuantan**<br><br>Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, Kabinet pada 10 Oktober lepas memutuskan supaya anggota jawatankuasa iti terdiri daripada mereka yang tidak menyatakan pendirian secara terbuka, sama ada untuk menyokong atau membantah operasi Lynas sebelum ini. | Kosmo | Rujuk pada lampiran 1 |
| 3. | **Members of Lynas review committee announced, Fuziah dropped**<br><br>The Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry has announced the members of the Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) executive review committee. | The Star | Klik pada tajuk berita |
| 4. | **Executive Committee formed to review Lynas' operations in Pahang**<br><br>Minister of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Yeo Bee Yin said the Cabinet on Oct 10 had decided that members of the committee would comprise those who had not openly stated their stand either to support or protest against Lynas's operations. | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 5. | **Kuantan MP Fuziah dropped from Lynas evaluation committee**<br><br>Energy, Green Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin announced the names of the committee members | The Malaysian Insight | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | in a statement this evening and Fuziah was not in it. | | |
| 6. | **Executive committee formed to review Lynas operations in Pahang**<br><br>Minister of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Yeo Bee Yin said the Cabinet on October 10 had decided that members of the committee would comprise those who had not openly stated their stand, either to support or protest against Lynas's operations. | The Malaymail | Klik pada tajuk berita |
| 7. | **Lynas seeks alternative locations amid Malaysia plant review: FT**<br><br>Unclear if Malaysia's Energy Minister Yeo Bee Yin has accepted the resignation or if she has appointed a replacement; Yeo didn't respond to requests for comment: FT | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 8. | **Public talks heading nowhere**<br><br>However, things fell apart when Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin, who was present at the town hall session, said she heard a bigger applause from the crowd supporting PTMP than those against the project. | The Star | Klik pada tajuk berita |
| 9. | **Kerajaan tubuh badan penilaian Lynas**<br><br>Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan, Yeo Bee Yin, berkata seramai enam pakar dilantik dalam jawatankuasa itu bagi menzahirkan hasrat kerajaan Malaysia baharu. | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 10. | **The first 100 days of Pakatan Harapan ministers**<br><br>As some countries have different views on climate change, Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin has gone all out to ensure Malaysia is kept safe environmentally and economically. | The Malaysian Reserve | Klik pada tajuk berita |
| 11. | **K'jaan tubuh JK eksekutif nilai operasi Lynas**<br><br>Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Yeo Bee Yin berkata kabinet pada 10 Oktober lepas memutuskan supaya | Malaysiakini | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | anggota jawatankuasa itu terdiri daripada mereka yang tidak menyatakan pendirian secara terbuka, sama ada untuk menyokong atau membantah operasi Lynas sebelum ini. | | |
| 12. | **Gempa bumi gegar Sumatera**<br><br>Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan media pagi ini memaklumkan gegaran itu berlaku pada kedalaman 10 kilometer dan jarak 26 kilometer selatan dari Meulaboh, Indonesia. | Malaysiakini | Klik pada tajuk berita |
| 13. | **Search for robotics firms**<br><br>The Malaysian Technology Development (MTDC) is on a search for homegrown companies and individuals who can develop robotics technology for local businesses to become Industry 4.0-ready. | The Sun | Rujuk pada lampiran 2 |
| 14. | **MTDC beri penekanan pembangunan segmen robotic dalam kalangan syarikat tempatan**<br><br>Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan memberi penekanan terhadap pembangunan segmen robotic dalam kalangan syarikat tempatan khususnya dari kumpulan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). | Harian Metro | Rujuk pada lampiran 3 |
| 15. | **Perkongsian data remote sensing perkasakan penjanaan pengetahuan dan penyelidikan**<br><br>Inisiatif ini diumumkan oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam siding medianya sempena Majlis Perasmian Asia Pasifik, The 39$^{th}$ Asian Conference on Remote Sensing (ACRS 2018) di Renaissance Kuala Lumpur Hotel. | Nanyang Siang Pau | Rujuk pada lampiran 4 |
| 16. | **Tenaga Nasional to raise up to RM4.15bil sukuk, rated 'BBB' by S&P**<br><br>Tenaga Nasional Bhd (TNB) plans to raise up to US$1bil (RM4.15bil) under its multicurrency sukuk issuance programme and it has been rated BBB by S&P Global Ratings. | The Star | Rujuk pada lampiran 5 |
| 17. | **Akses data satelit secara terbuka**<br><br>Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, ia | Kosmo | Rujuk pada lampiran 6 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | merupakan usaha kerajaan mewujudkan perkongsian maklumat terbuka sebanyak mana yang mungkin kepada orang ramai bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan. | | |
| 18. | **Potensi teknologi robot tempatan**<br><br>Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) melihat potensi dalam teknologi robotic untuk industri tempatan dalam bidang pendidikan bagi mencapai tahap industry 4.0 (I4.0). | Kosmo | Rujuk pada lampiran 7 |
| 19. | **Moody's assigns A3 senior unsecured rating to TNB sukuk notes**<br><br>TNB Global Ventures Capital Bhd is a special purpose vehicle established in Malaysia by Tenaga Nasional Bhd (Tenaga, A3 stable). | The New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 20. | **MTDC tumpu pembangunan bidang robotic**<br><br>Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan memberi penekanan terhadap pembangunan segmen robotik dalam kalangan syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS). | Berita Harian | Klik pada tajuk berita atau rujuk lampiran 8 |
| 21. | **MTDC sees potential in homegrown robotics technology**<br><br>The Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) is on a search for homegrown companies and individuals who can develop robotics technology for local businesses to become Industry 4.0-ready. | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 22. | **Hujan lebat di Kelantan dijangka November, Disember ini**<br><br>Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Datuk Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal, berkata mengikut data Jabatan Meteorologi (Meteorologi) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dijangkakan hujan lebat akan berlaku pada November dan Desember ini. | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23. | **Kelantan jangka terima hujan lebat November dan Disember**<br><br>Beliau berkata, walaupun data meteorologi dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan baki jumlah purata taburan hujan tahunan ini agak membimbangkan namun mereka yakin banjir tidak akan seteruk seperti bencana besar pada 2014. | Kosmo | Klik pada tajuk berita |
| 24. | **IGEM 2018**<br><br>International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia pada 17-20 Oktober 2018, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. | Kosmo & Utusan Malaysia | Rujuk pada lampiran 9 |

**TEMPATAN**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 25. | **Kelantan sedia 607 pusat pemindahan banjir**<br><br>“Musim tengkujuh dijangka bermula pada November sehingga Mac tahun depan dan hujan lebat diramal berlaku pada November sehingga Disember depan. | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 26. | **Shell Select guna inovasi untuk kedai serbaneka 24 jam**<br><br>SHELL Malaysia melancarkan Shell Select pertama, dikuasai BingoBox Retail Technology iaitu kedai serbaneka beroperasi 24 jam yang menawarkan kaedah pembayaran tanpa tunai di Shell Tezz Enterprise di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. | Sinar Harian | Rujuk lampiran pada 10 |
| 27. | **Resah hujan tak henti-henti**<br><br>Warga kota mula resah apabila hujan lebat berlarutan sejak beberapa hari lalu mengundang banjir kilat di beberapa lokasi kediaman di pusat bandar. | Harian Metro | Rujuk lampiran pada 11 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 28. | **Banjir kilat lagi..**<br><br>Antara laluan yang terjejas adalah di Persiaran Ampang Hilir, Jalan Raja Chulan dan Bulatan Pahang di Jalan Tun Razak. | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 29. | **Banjir kilat di Kuala Lumpur**<br><br>BEBERAPA laluan dan kawasan di Kuala Lumpur dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat hampir dua jam, sejak 3.20 petang. | Harian Metro | Klik pada tajuk berita |
| 30. | **Beberapa kawasan di ibu negara terjejas banjir kilat**<br><br>Hujan lebat yang bermula kira-kira 3.30 petang itu mengakibatkan air bertakung di Persiaran Ampang Hilir, Jalan Raja Chulan dan Bulatan Pahang di Jalan Tun Razak. | Kosmo | Klik pada tajuk berita |
| 31. | **Dengarkan Suara Kami**<br><br>97% dari 631 pekerja Lynas Malaysia adalah rakyat Malaysia. 70% dari pengurusan rakyat Malaysia. 77% pekerja berkelulusan sekurang-kurangnya sijil. Lebih 100 pekerja mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi termasuk 4 PhD. 16% pekerja adalah wanita termasuk di bahagian operasi Lynas. | NST/The Star/ The Sun | Rujuk pada lampiran 12 |

**ANTARABANGSA**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 32. | **Korban Taufan Michael dijangka meningkat**<br><br>Puluhan penduduk Panhandle, Florida dilaporkan masih hilang selepas kawasan itu dibadai Taufan Michael dan pasukan penyelamat menjangkakan jumlah kematian akan terus meningkat. | Sinar Harian | Rujuk lampiran pada 13 |
| 33. | **Banjir terburuk 100 tahun di Perancis**<br><br>Sekurang-kurangnya 13 orang terkorban selepas banjir kilat susulan dibadai ribut kuat di bahagian selatan Perancis yang turut melihat jalan raya di kawasan berkenaan runtuh, semalam. | Berita Harian | Rujuk lampiran pada 14 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 34. | **Crypto markets roiled**<br><br>Traders are increasingly questioning their faith in the cryptocurrency world's most important dollar peg. | The Star | Rujuk lampiran pada 15 |
| 35. | **12 terkorban akibat banjir kilat di Perancis**<br><br>Sekurang-kurangnya 12 terkorban akibat banjir kilat yang melanda selatan Perancis pada Isnin. | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |

## LAMPIRAN 1
## KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 4
## TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

# Jawatankuasa khas nilai operasi Lynas di Gebeng, Kuantan

**PUTRAJAYA** – Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advance Materials Plant (LAMP) di Gebeng, Pahang ditubuhkan untuk memastikan Malaysia tidak menjadi tempat pembuangan bahan tercemar oleh syarikat dari negara lain.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, Kabinet pada 10 Oktober lepas memutuskan supaya anggota jawatankuasa itu terdiri daripada mereka yang tidak menyatakan pendirian secara terbuka, sama ada untuk menyokong atau membantah operasi Lynas sebelum ini.

"Ini bagi mengelakkan mana-mana pihak mempersoal kredibiliti jawatankuasa ini disebabkan pendirian ahli-ahlinya," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kementerian telah meneliti keanggotaan jawatankuasa itu dan berpandangan semua calon mempunyai kepakaran di bidang yang berkenaan iaitu pengurusan alam sekitar, kesihatan awam dan keselamatan sinaran radioaktif.

**LAMPIRAN 2**
**THE SUN: MUKA SURAT 2**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

# SEARCH FOR ROBOTICS FIRMS

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) is on a search for homegrown companies and individuals who can develop robotics technology for local businesses to become Industry 4.0-ready. "It can solve the reliance on labour to reduce cost," said MTDC chief executive Datuk Norhalim Yunus at the launch of the "Robotics Accelerator Programme" boot camp yesterday. "We want to help develop the robotics systems of companies that are still at the 2.0 stage. These are entrepreneurs who are still dependant on foreign workers. Maybe it can advance them to an Industry 3.0 level of automation," he said. – Bernama

# LAMPIRAN 3
# HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 66
# TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)



NORHALIM (tengah) melihat pameran robot peserta yang mengambil bahagian.

Serdang

## MTDC beri penekanan pembangunan segmen robotik dalam kalangan syarikat tempatan

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan memberi penekanan terhadap pembangunan segmen robotik dalam kalangan syarikat tempatan khususnya dari kumpulan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata, bidang robotik mempunyai potensi meluas bukan saja dari segi penyelidikan dan pembangunan, malah ia dapat menyuntik nilai komersial dalam produk yang dihasilkan.

Beliau berkata, objektif utama dalam mengembangkan sektor robotik dalam negara ini adalah untuk membantu menyelesaikan masalah yang sering terjadi kepada usahawan yang menggunakan sistem tradisional.

"Robotik adalah antara teras utama yang perlu diberi perhatian dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) ini, malah dengan situasi ketika ini, banyak usaha perlu dijalankan.

"Malah, kita berharap inovasi dan pembangunan yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada sektor lain seperti pertanian, pendidikan dan cabang ekonomi lain," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Hari Demonstrasi dan Boot Camp Pemecutan Robotik (RAP) MTDC di sini, semalam.

# LAMPIRAN 4
# NANYANG SIANG PAU (PRIME NEWS): MUKA SURAT A25
# TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

## 杨美盈：促进教育研究
# 政府开放卫星数据下载

（吉隆坡15日讯）民众特别是研究员，现在可通过大马遥感探测机构（ARSM）所提供的网站http://rsdc.remotesensing.gov.my下载卫星数据。

能源、工艺、科学、气候变化及环境部长杨美盈说，这是政府为研究和教育而尽可能与人民分享开放数据。

她指出，政府在不影响国家安全的情况之下通过大马遥感探测机构分享数据，促请其他机构效仿。

“这些数据将协助研究员更详细地进行他们的研究。”

她今天为大马遥感探测机构主办的“第39届亚洲遥感探测研讨会”主持开幕礼后，在记者会上这么说。

杨美盈说，政府也准备提供租借科学器具服务，供分析卫星数据用途。

“任何人若欲研究但缺乏资金，可透过低费用向政府租借（器具）。研究员和中小型企业家可从此措施受惠，从而提高生产力。”

出席者包括大马遥感探测机构总监阿兹里卡米。

## 出租科学仪器设备

杨美盈指出，能源、工艺、科学、气候变化与环境部旗下机构也正著手为科技领域学者和中小型企业，让他们可以从部门旗下机构的实验室，租用所需的科学仪器设备，以提供他们研究。

“我们已经有一个名单列明可分享或是出租的设备，想要进行研究却没有资金购买仪器的外面学者或是中小型企业，可以用合理价格向政府租用有关设备。”

她说，这项让科技仪器设备开放公众使用的措施，可提高相关仪器设备的使用度。



阿兹里卡米（右）赠送纪念品予杨美盈。

**LAMPIRAN 5**
**THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

# Tenaga Nasional to raise up to RM4.15bil sukuk, rated 'BBB' by S&P

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) plans to raise up to US$1bil (RM4.15bil) under its multicurrency sukuk issuance programme and it has been rated BBB by S&P Global Ratings.

The international ratings agency said the power giant's special-purpose company TNB Global Ventures Capital Bhd had proposed to issue the US$1bil wakala trust certificates.

TNB Global Ventures Capital had entered into a wakala agreement with TNB (BBB+/Stable/–), an integrated utilities company whose 62.23% shareholding (as of Sept 30, 2018) is with government agencies and corporations.

"We base the preliminary 'BBB' issue rating on the wakala trust certificates on the 'BBB' rating on the wakala sukuk programme.

"The rating on the wakala sukuk programme is one notch below the 'BBB+' issuer credit rating on TNB, reflecting significant subordination of the senior unsecured debt relative to other debt in TNB's consolidated capital structure," it said.

S&P said the proposed transaction fulfils the five conditions of its criteria for rating sukuk.

The rating agency said it assessed as remote the risk that a total loss event (TLE) jeopardises the full and timely repayment of the trust certificates.

"Our opinion is based on our expectations that if lease assets form part of any drawdown, they will come from a diversified portfolio of assets.

"Nevertheless, S&P Global Ratings will reassess the remoteness of the TLE for each drawdown separately based on the actual composition of the lease assets portfolio, and may assign a different rating to the drawdown if our initial assumptions are not met," it said.

S&P said the preliminary rating on the trust certificates was based on draft documentation and information as of Oct 15. The final ratings will depend upon receipt and satisfactory review of all final transaction documentation.

Earlier, Reuters reported TNB hired BNP Paribas, CIMB, Citigroup and HSBC for a series of fixed income investor meetings in Asia and Europe ahead of a potential US dollar Reg S bond offering.

The roadshows will kick off on Oct 17 in Kuala Lumpur and end in London on October 22.

A bond sale, pending investor feedback, will be drawn from a multi-currency sukuk issuance programme via TNB Global Ventures Capital. The sukuk is expected to be rated A3/BBB (Moody's/S&P).

**LAMPIRAN 6**
**KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

Orang ramai boleh muat turun data untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan

# Akses data satelit secara terbuka



ORANG ramai kini boleh mengakses data dari satelit *Ikonos-2* (kiri) dan *Landsat 5-TM* dengan lebih mudah.

KUALA LUMPUR – Orang awam terutama penyelidik kini boleh memuat turun data satelit melalui laman web yang disediakan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) menerusi laman web *http://rsdc.remotesensing.gov.my*.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, ia merupakan usaha kerajaan mewujudkan perkongsian maklumat terbuka sebanyak mana yang mungkin kepada orang ramai bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan.

Beliau berkata, menerusi ARSM, kerajaan sedia berkongsi data ini dan meminta agensi lain mencontohi langkah ARSM membuat perkongsian data terbuka tanpa menjejaskan keselamatan negara.

"Dengan adanya data ini, ia akan membantu penyelidik dalam memfokuskan kajian mereka dengan lebih terperinci," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan persidangan tahunan 'The 39th Asian Conference on Remote Sensing' (ACRS 2018) anjuran Asian Association on Remote Sensing (AARS) di sini semalam.



BEE YIN

Menurutnya, kerajaan turut menyediakan perkhidmatan menyewa peralatan saintifik bagi tujuan analisis data satelit.

"Kalau ada sesiapa yang ingin buat penyelidikan namun kekurangan dana, boleh sewa dengan kerajaan dengan bayaran rendah," katanya sambil menambah penyelidik dan pengusaha industri kecil sederhana boleh memanfaatkan inisiatif itu sekali gus meningkatkan produktiviti masing-masing.

Persidangan ACRS 2018 yang bermula semalam merupakan kali keempat dianjurkan di Kuala Lumpur selepas 1989, 1997 dan 2007.

Berlangsung sehingga 19 Oktober dengan tema 'Remote Sensing Enabling Prosperity', persidangan itu menghimpunkan lebih 700 peserta dalam dan luar negara merangkumi pembuat dasar, saintis, anggota akademik dan juga pelajar universiti. – Bernama

**LAMPIRAN 7**
**KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 53**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

MTDC sedang mencari syarikat, individu mampu cipta teknologi canggih

# Potensi teknologi robot tempatan

KUALA LUMPUR – Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) melihat potensi dalam teknologi robotik untuk industri tempatan dalam bidang pendidikan bagi mencapai tahap Industri 4.0 (I4.0).

Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, pihaknya kini mencari syarikat dan individu yang mampu mencipta teknologi robotik tempatan yang praktikal dan boleh menyelesaikan masalah industri terutamanya dalam penggunaan sumber manusia untuk mengurangkan kos.

"Kami juga ingin membantu membangunkan sistem robotik bagi syarikat yang masih pada tahap 2.0, iaitu usahawan yang masih lagi bergantung kepada sumber manusia pekerja asing.

"Ia mungkin boleh dinaik taraf supaya mencapai tahap 3.0 iaitu tahap automasi sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Pecutan Robotik MTDC (MTDC RAP-MTDC Robotics Accelerator Boot Camp) di TIC UPM-MTDC semalam.

Norhalim menjelaskan, penekanan akan diberi kepada ciptaan robotik yang berasaskan persekitaran tempatan.



NORHALIM Yunus (tengah) diberi penerangan mengenai teknologi robotik yang dipamerkan pada majlis pelancaran Program Pecutan Robotik MTDC di Kuala Lumpur semalam.

"Teknologi yang diperlukan tidaklah terlalu canggih dan mahal hingga tidak mampu dimiliki oleh pengusaha dan paling utama ia teknologi tempatan yang boleh diselenggara dan dibaiki di dalam negara, sekali gus menjimatkan kos," jelasnya.

Selain itu, MTDC juga melihat potensi robotik dalam bidang pendidikan yang mampu dimiliki pada harga RM100 hingga RM200.

"Kami telah memiliki syarikat tempatan bimbingan MTDC yang mengeluarkan robot untuk pendidikan dan berjaya di pasarkan ke seluruh dunia.

"Tetapi kami mahu lebih ramai murid di sini dapat akses kepada pendidikan robotik pada harga yang jauh lebih murah seperti penggunaan *raspberry pi* di United Kingdom.

"Ia satu potensi besar kerana jika dapat dipasarkan di dalam negara, ia juga boleh dilebarkan sehingga ke rantau Asia Tenggara," katanya.

Program MTDC RAP yang bertujuan memperkasakan inkubasi dan memupuk syarikat berasaskan teknologi, menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat serta membantu mereka mencapai status komersial.

Ia merupakan program pertama di bawah Program Pecutan MTDC dan berjaya menarik penyertaan 50 peserta daripada 17 kumpulan universiti tempatan serta dua buah syarikat swasta. – Bernama

**LAMPIRAN 8**
**BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 40**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

# MTDC tumpu pembangunan bidang robotik

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan memberi penekanan terhadap pembangunan segmen robotik dalam kalangan syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus, berkata bidang robotik mempunyai potensi meluas bukan hanya dari segi penyelidikan dan pembangunan, malah dapat menyuntik nilai komersial dalam produk yang dihasilkan.

Beliau berkata, objektif utama dalam mengembangkan sektor robotik dalam negara ini supaya ia dapat membantu menyelesaikan masalah yang sering terjadi kepada usahawan yang menggunakan sistem tradisional.

"Robotik adalah antara teras utama yang perlu diberi perhatian dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) ini, malah dengan situasi ketika ini, banyak usaha perlu dijalankan.

"Apa yang penting, kita mahu hasilkan produk dalam sektor robotik yang berteknologi tinggi, menepati keperluan dan permintaan serta mampu untuk dimiliki.

"Malah, kita berharap inovasi dan pembangunan yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada sektor lain seperti pertanian, pendidikan dan cabang ekonomi yang lain," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Hari Demonstrasi dan Boot Camp Pemecutan Robotik (RAP) MTDC di Serdang, semalam.

## Malaysia perlu inovasi, teknologi

Acara yang berlangsung selama tiga hari itu disertai oleh peserta industri serta institut pengajian tinggi (IPT) tempatan yang akan memfokuskan kepada idea, inovasi dan projek berkaitan robotik.

Peserta juga menerusi beberapa kumpulan berasingan akan diberi latihan, khidmat nasihat dan bimbingan bagi mencapai sasaran individu dengan lebih cepat.

Norhalim berkata, usaha menguasai dan memperluas dalam IR4.0 adalah proses berterusan yang perlu dilakukan oleh semua pihak berkepentingan.

Katanya, syarikat di Malaysia masih berada di antara IR2.0 hingga IR3.0, yang mana negara masih memerlukan inovasi, teknologi dan idea, selain kerjasama industri.

"Untuk mencapai status IR4.0 bukan sahaja teknologi canggih, namun ia mestilah bertepatan dengan keperluan industri supaya dapat membantu menyelesaikan permasalahan.

"Ia juga perlulah dapat dilakukan pada kos mampu milik dengan mengambil kira inovasi yang relevan dengan realiti semasa tanpa menghasilkan sesuatu yang sia-sia," katanya.

Selain itu, MTDC sebelum ini turut meletakkan sasaran untuk meluluskan dana berjumlah RM100 juta pada 2018 bagi meningkatkan aktiviti pengkomersialan teknologi tempatan.

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI / BH]



**Norhalim melihat robot peserta** *yang mengambil bahagian pada Hari Demonstrasi dan Boot Camp Pemecutan Robotik (RAP) MTDC di Serdang, semalam.*

# LAMPIRAN 9
## KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 9
## UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 45
## TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)



**LAMPIRAN 10**
**SINAR HARIAN (BISNES SINAR): MUKA SURAT 41**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

# Shell Select guna inovasi untuk kedai serbaneka 24 jam




Shahrain (tengah) bersama tetamu kehormat pada majlis pelancaran tersebut.

SHELL Malaysia melancarkan Shell Select pertama, dikuasai BingoBox Retail Technology iaitu kedai serbaneka beroperasi 24 jam yang menawarkan kaedah pembayaran tanpa tunai di Shell Tezz Enterprise di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd, Shairan Huzani Husain berkata, Shell Select dikuasai Teknologi Runcit BingoBox bertujuan memberikan pelanggan pengalaman lebih baik sekali gus menandakan pencapaian penting dalam perjalanan runcit Shell di Malaysia.

Menurutnya, pelanggan boleh mendapatkan produk dan snek kegemaran mereka di Shell Select bila-bila masa, menikmati kemudahan transaksi elektronik dan Shell menjadi yang pertama dalam industri untuk menyediakan inovasi itu kepada pelanggan.

"Misi kami adalah menjadikan perjalanan hidup lebih baik dan kami yakin Shell Select dikuasai Teknologi Runcit BingoBox akan melakukannya dengan tepat.

"Dengan bantuan teknologi, pekerja Shell mempunyai lebih banyak masa untuk memenuhi keperluan pelanggan," katanya.

Pengguna boleh muat turun aplikasi mudah alih BingoBox dari gedung App untuk pengguna iOS atau Google Play Store bagi pengguna Android, dan gunakan Shell Select baharu dikuasakan Teknologi Runcit BingoBox di Shell Jalan Tun Razak untuk snek pada bila-bila masa sepanjang hari, selain nikmati kemudahan tambahan kaedah pembayaran tanpa tunai.

# LAMPIRAN 11
# HARIAN METRO (TENGAH): MUKA SURAT 16
# TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

16 tengah 16-10-2018





# Resah hujan tak henti-henti

## Beberapa kawasan sekitar ibu kota banjir kilat

Nor Azizah Mokhtar
cnews@nstp.com.my

**Kuala Lumpur**

Warga kota mula resah apabila hujan lebat berlarutan sejak beberapa hari lalu mengundang banjir kilat di beberapa lokasi kediaman dan laluan utama di pusat bandar.

Antara laluan yang terjejas adalah di Persiaran Ampang Hilir, Jalan Raja Chulan dan Bulatan Pahang di Jalan Tun Razak di sini, susulan hujan tanpa henti sejak jam 2.30 petang semalam.

Takungan air akibat banjir kilat di lokasi terbabit pada mulanya mengakibatkan kesesakan lalu lintas, namun keadaan itu beransur pulih sebaik hujan lebat berhenti jam 5 petang.

Selain itu, empat kawasan penempatan iaitu Kampung Periuk, Kampung Baru; Taman Eastern, Jalan Ipoh; Lorong Kiri 15 Jalan Datuk Keramat dan Kampung Chubadak Tambahan, Sentul di sini, dilaporkan terjejas akibat banjir kilat.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Azman Mahmood berkata, pihaknya menerusi Skuad Penyelamat DBKL kini melakukan pemantauan di lokasi yang terjejas terutama kawasan penempatan yang dilanda banjir kilat.

"Buat masa ini kami menerima tujuh laporan kejadian banjir kilat di sekitar ibu negara dan kita melakukan pemantauan dengan bantuan beberapa agensi lain.

"Ada kawasan yang dinaiki air hampir setengah meter, namun buat masa ini keadaan masih terkawal dan tiada sebarang pemindahan penduduk dilakukan. Keadaan kini beransur pulih," katanya ketika dihubungi wartawan.

Sementara itu, pihak DBKL tidak menerima laporan banjir kilat melimpah masuk ke dalam Masjid Jamek seperti yang tular di media sosial dan buat masa ini, paras air Sungai Gombak yang terletak berhampiran kawasan berkenaan masih terkawal.

Sementara itu, pihak Angkatan Pertahanan Awam (APM) Wilayah Persekutuan turut diletakkan dalam keadaan bersedia terhadap sebarang kejadian banjir di ibu kota.

Pegawai Operasi APM, Leftenan (PA) Shahrul Kamar Mohd Johari berkata, tinjauan dilakukan pihaknya mendapati keadaan banjir kilat kembali surut petang semalam dan orang ramai diminta menghubungi talian kecemasan 999 jika memerlukan bantuan.

**FAKTA**
DBKL tidak menerima laporan banjir kilat melimpah masuk ke dalam Masjid Jamek



KEADAAN banjir kilat di Kampung Periuk, Kampung Baru.



SEBAHAGIAN kawasan Kampung Chubadak Tambahan, Sentul dilanda banjir kilat susulan hujan lebat, semalam.

# LAMPIRAN 13
# SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 46
# TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

## Korban Taufan Michael dijangka meningkat



Taufan Michael membadai Mexico Beach, Florida. - FOTO AFP

**MEXICO BEACH** - Puluhan penduduk Panhandle, Florida dilaporkan masih hilang selepas kawasan itu dibadai Taufan Michael dan pasukan penyelamat menjangkakan jumlah kematian akan terus meningkat.

18 kematian disahkan di empat negeri yang dilanda taufan itu dan pasukan penyelamat dengan bantuan anjing pengesan masih meneruskan usaha mencari mangsa di sekitar runtuhan kediaman di beberapa pekan kecil seperti Mexico Beach dan Panama City.

Datuk Bandar Mexico Beach, Al Cathey berkata, lebih 250 penduduk berada di kawasan itu apabila Taufan Michael melanda Rabu lalu sebagai taufan kategori 4, taufan paling kuat pernah melanda Florida setakat ini.

46 dari 1,000 penduduk masih hilang setakat kelmarin, manakala pasukan penyelamat berjaya mengesan ratusan penduduk yang sebelum ini dilaporkan hilang di seluruh Panhandle.

Gabenor Florida, Rick Scott yang melawat kawasan bencana bersama pegawai Agensi Pengurusan Kecemasan Florida (FEMA) berkata, fokus utama adalah mencari dan menyelamat mangsa.

1,700 pekerja dikerah menjalankan misi menyelamat. - Reuters

**LAMPIRAN 14**
**BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 56**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

[FOTO AFP]




***Petugas penyelamat Perancis** membantu memindahkan mangsa banjir dengan menggunakan helikopter susulan ribut kuat di wilayah Aude, bahagian selatan negara itu.*

# Banjir terburuk 100 tahun di Perancis

**Toulouse:** Sekurang-kurangnya 13 orang terkorban selepas banjir kilat susulan dibadai ribut kuat di bahagian selatan Perancis yang turut melihat jalan raya di kawasan berkenaan runtuh, semalam.

Kawasan Aude yang turut membabitkan bandar raya Carcassonne dilaporkan paling teruk terjejas akibat insiden itu.

Menurut pihak berkuasa tempatan, seorang wanita difahamkan maut dihanyutkan arus deras di sebuah perkampungan di Villardonnel dan sekurang-kurangnya lima terkorban di Villegailhenc.

**Cuaca buruk halang misi menyelamat**

Sungai Aude dilaporkan mencecah paras banjir dan situasi ini belum pernah dilihat sejak lebih 100 tahun, menurut sebuah agensi Perancis yang bertanggungjawab memantau kenaikan paras air.

Tujuh helikopter dikerah menyelamatkan penduduk dari bumbung rumah mereka namun cuaca buruk menghalang misi menyelamat itu.

Kira-kira 350 anggota bomba dan 100 polis terbabit dalam usaha itu. **REUTERS/AFP**

**Fakta nombor**

**450** ANGGOTA
bomba dan polis terbabit menyelamat

**LAMPIRAN 15**
**THE STAR (FOREIGN NEWS): MUKA SURAT 9**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

# Crypto markets roiled

## This comes as traders question Tether's dollar peg

**SINGAPORE:** Traders are increasingly questioning their faith in the cryptocurrency world's most important dollar peg.

Tether, the digital coin used as a substitute for the US currency on crypto markets around the world, has broken its historically tight link with the greenback.

It recently traded for about 95 cents on US-based exchange Kraken. Transactions on Binance, one of the world's most active Tether venues, implied a price of about 96 cents, according to CoinMarketCap.com.

While that's a tiny move relative to other cryptocurrencies and not unprecedented for Tether, it's triggering a fresh round of doubts over whether the so-called stablecoin is fully backed by dollars.

Tether jitters prompted some traders to shift into other virtual currencies yesterday, fuelling a rally in Bitcoin and shattering an unusually long stretch of calm in crypto markets over the past month.

The company that issues Tether has yet to provide conclusive evidence of its dollar holdings, even though it has repeatedly said that all Tethers are redeemable at US$1.

That claim helped make Tether the world's second-most actively traded cryptocurrency – it was used in more than 20% of transactions tracked by CoinMarketCap.com over the past 24 hours.

Tether's latest dip follows renewed speculation over the financial health and banking relationships of Bitfinex, a crypto exchange that shares a chief executive officer with Tether's issuer.

In a Medium post on Oct 8, Bitfinex dismissed allegations that it was insolvent and said that withdrawals were functioning as normal.

At the same time, it said that "complications continue to exist for us in the domain of fiat transactions."

Many crypto-related firms have struggled to retain banking relationships as regulators in the US and elsewhere scrutinise the industry's exposure to risks including money laundering, market manipulation and security breaches.

The US Commodity Futures Trading Commission sent subpoenas to Bitfinex and Tether at the end of last year, a person familiar with the matter told Bloomberg in January.

Bitfinex couldn't immediately be reached through an external spokeswoman.

"If traders start to flee Tether, it's a potentially precarious situation, since it accounts for 20% of total volumes globally," said Vijay Ayyar, head of business development at Luno, a cryptocurrency exchange.

"It basically implies a lot of volatility ahead."

Bitcoin surged 5.2% to US$6,534.66 at 2:27 pm Hong Kong time, according to Bloomberg composite prices.

Ether jumped 8.4% and Ripple added 7.1%.

The Bloomberg Galaxy Crypto Index climbed 6.4%.

Tether's role as a dollar substitute has made it a huge part of the global crypto ecosystem.

The digital coin is easily transferable between virtual currency exchanges and other online platforms because it doesn't have to travel through the banking system.

Stable prices have made it a handy instrument for betting on the direction of other cryptocurrencies, or as a place for traders to park their assets when they want to reduce exposure to market swings.

Given that withdrawals on Bitfinex appear to be working as usual, renewed jitters surrounding the exchange and Tether are "probably a bit of paranoia," said Timothy Tam, co-founder and CEO of CoinFi, a cryptocurrency research firm.

"I believe this will all clear up relatively soon."

Yet now that traders have several stablecoins to chose from, some may decide to dump Tether in favor of alternatives such as the Gemini dollar, a brainchild of Cameron and Tyler Winklevoss, said Jehan Chu, managing partner at blockchain investment and advisory company Kenetic Capital.

Paxos Standard, another stablecoin linked to the dollar, was trading at US$1.08 versus Tether on Binance.

"Faith in Bitfinex's financial situation and ability to fully back Tether has been a recurring question," Chu said.

"Tether's stablecoin dominance will only persist if they can settle community criticisms about their lack of transparency once and for all." — Bloomberg



**Uptrend:** A cryptocurrency mining computer is seen in front of bitcoin logo during the annual Computex computer exhibition in Taipei, Taiwan. Tether jitters prompted some traders to shift into other virtual currencies on Monday, fueling a rally in Bitcoin and shattering an unusually long stretch of calm in crypto markets over the past month. — Reuters